



PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

BULETIN PLANMalaysia TAHUN 2020



SEKALUNG BUDI

PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak serta individu yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam penerbitan Buletin PLANMalaysia Tahun 2020.

PENAFIAN

Semua bahan yang diterbitkan dalam Buletin PLANMalaysia Tahun 2020 ini merupakan hak cipta terpelihara. Sebarang bentuk penerbitan semula sama ada secara keseluruhan atau sebahagian adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kebenaran bertulis daripada sidang editorial. Walaupun ketepatan fakta dipatuhi semasa pengumpulan maklumat, pihak sidang editorial tidak bertanggungjawab atas sebarang kemungkinan yang timbul akibat kesilapan yang tidak dimaksudkan.

SIDANG EDITORIAL

PENASIHAT

TPr Nik Noraisu binti Nik Ibrahim

SIDANG EDITOR

Ketua Editor

TPr Dr. Yong Chee Kong
Hafaliza binti Ishak

Sub-Editor

Asshari bin Mohd Juhaidi
Rahayu binti Draman @ Abdul Razak

Pereka

Siti Mazlina binti Jusoh

Fotografi

Muhammad Hilman bin Abdullah

ALAMAT

PLANMalaysia


(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan,
Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8091 0000
<https://www.planmalaysia.gov.my>



ISI KANDUNGAN

- 7 Kajian Projek Penentuan Sempadan Bandar (PSB)
- 8 Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan Fasa 2
- 9 Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan Fasa 2
- 11 SESI *FOCUS GROUP DISCUSSION* (FGD) : Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS)
- 12 LAWATAN TAPAK : Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS)
- 13 Taklimat Tender Projek Pembangunan PLANMalaysia RP4, Tahun 2020 RMK 11
- 14 *Prosedur Operasi Standard* (SOP) Pelaksanaan Mesyuarat/ Perbincangan Kumpulan Sasar (FGD) atas talian dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)
- 15 Kajian Rangka Kerja Pembangunan Wilayah Bersepadu (RWB)
- 16 Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Kajian: Kajian Rancangan Fizikal Negara Keempat
- 17 KOMPENDIUM PLANMalaysia
- 18 Penyampaian Amanat Ketua Pengarah sempena Perhimpunan Awal Tahun 2020 PLANMalaysia
- 19 Pelancaran Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat PLANMalaysia
- 20 *School Outreach Program* : PLANMalaysia Bersama Komuniti
- 23 Pertandingan Pengucapan Awam Sempena Sambutan Hari Inovasi PLANMalaysia 2020
- 24 TAKLIMAT KORPORAT PLANMalaysia
- 25 Media Sosial PLANMalaysia Mendekati Masyarakat Sempena Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
- 27 Majlis Bersama Perunding Perancang Bandar 2020
- 28 PLANMalaysia Memacu Pembangunan Negara dengan Lebih Komprehensif dan Strategik
- 29 Kajian Penilaian *Outcome* Projek/ Program PLANMalaysia
- 30 Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan PLANMalaysia Tahun 2020
- 31 Pelan Strategik PLANMalaysia 2021- 2025
- 32 Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 PLANMalaysia
- 33 Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Timbalan Ketua Pengarah Perancangan PLANMalaysia
- 34 Lawatan Kerja dan Kunjungan Muhibah Ketua Pengarah PLANMalaysia
- 36 Kunjungan Hormat Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) kepada Ketua Pengarah PLANMalaysia
- 37 Sesi *Focus Group Discussion* 2 (FGD 2) bagi Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 2

- 
- 38 Majlis Perancang Fizikal Negara
- 40 Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN Ke-4)
- 42 Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN Ke-4) Sesi Rundingan Bersama Pihak Berkuasa Negeri
- 43 Lawatan Kerja ke *Centralized Command Centre* (CCC) SwCORP Malaysia bagi Kajian Malaysia *Urban Observatory*
- 44 Projek Penentuan Sempadan Bandar (PSB)
- 48 Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 2
- 50 Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 1
- 51 Sesi *Focus Group Discussion* 3 (FGD 3) bagi Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 2
- 52 Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Program *Localising* Cadangan Rancangan Pemajuan (LCRP) Bersama Pejabat Projek Zon (PPZ) PLANMalaysia
- 53 Kursus dan *Teach In* Penggunaan Manual Gis Versi 2.0
- 54 Pengemaskinian Gunatanah dalam Konteks Peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- 55 Program *Localising* Cadangan Rancangan Pemajuan (LCRP) Tahun 2020
- 56 Kajian Rancangan Tempatan 2035 (Penggantian)
- 59 Wacana Ilmiah dan Pelancaran Hari Kemerdekaan Peringkat PLANMalaysia
- 60 Ketua Pengarah PLANMalaysia yang Baharu
- 61 *SMART CITY RAP 2020*
- 62 Sambutan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2020
- 66 Program Sebaran Dasar dan Maklumat Perundangan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]
- 68 Mesyuarat Pengarah Negeri (MPN) PLANMalaysia Bil. 2/2020
- 68 Mesyuarat Ketua Unit Pusat Setempat (OSC)
- 69 Menyelaras Kajian dan Penyelidikan Di Bawah Akta 172
- 70 *MALAYSIA URBAN FORUM 2020 Virtual Networking Event 12 : Towards National Urban Big Data Analytics For Effective Urban Management*
- 71 Sesi Sebaran Inisiatif Penyelidikan dan Pembangunan PLANMalaysia Tahun 2020 Bagi Zon Selatan
- 72 Majlis Penyerahan Trofi dan Sijil bagi Anugerah *Asean SDGs Frontrunner Cities* : Penghargaan Bandar Mampan 2020
- 73 Indeks Kebahagiaan Ke Arah Kemampanan Bandar
- 74 Penghargaan Bandar Mampan Tahun 2020
- 76 Anugerah Kejiranan Hijau (AKH) Tahun 2020
- 79 Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) PLANMalaysia Bil.2/2020
- 79 Sambutan Hari Integriti Peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tahun 2020
- 80 Majlis Sekalung Apresiasi Seindah Memori, Sejambak Kasih Semurni Budi
- 81 Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bagi Tahun 2020
- 82 Kajian Projek Penentuan Sempadan Bandar (PSB)
- 83 Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN Ke-4)
- 85 Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 1
- 86 Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 2
- 87 Program Sebaran dan Pemantauan Rancangan Pemajuan Nasional (RPN)
- 88 Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan Daerah Kluang 2030 (Penggantian)
- 89 Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam - Rancangan Kawasan Khas Tanjung Bidara Pengkalan Balak



BULETIN

PLANMalaysia

JANUARI - APRIL 2020

BAHAGIAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

Kajian Projek Penentuan Sempadan Bandar (PSB)

Kajian bagi Projek Penentuan Sempadan Bandar (PSB) yang dikendalikan oleh Bahagian Rancangan Fizikal Negara (BRFN) telah mengadakan empat sesi rundingan bagi Laporan Teknikal Kajian PSB Fasa I di peringkat negeri iaitu di Negeri Melaka, Negeri Sembilan, Negeri Perak dan Negeri Kedah.

Sesi Rundingan Peringkat Negeri Melaka
pada 29 Januari 2020 diadakan di
PLANMalaysia Negeri Melaka.



Sesi Rundingan Peringkat Negeri Sembilan
pada 13 Februari 2020 diadakan di Bilik
Mesyuarat Dato' Shahbandar, Wisma Majlis
Bandaraya Seremban.

Sesi Rundingan Peringkat Negeri Perak
pada 26 Februari 2020 diadakan di
PLANMalaysia Negeri Perak.



Sesi Rundingan Peringkat Negeri Kedah
pada 2 Mac 2020 diadakan di
PLANMalaysia Negeri Kedah.

BAHAGIAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

SESI PERTAMA *FOCUS GROUP DISCUSSION* (FGD) :

Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan Fasa 2

Bahagian Rancangan Fizikal Negara telah mengadakan dua sesi FGD bagi Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 2. FGD yang pertama telah diadakan pada 15 hingga 23 Januari 2020 mengikut negeri bertempat di Pejabat Daerah dan Tanah negeri masing-masing.

FGD bertujuan untuk menyemak senarai dan lokasi kampung berpanduan kepada Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPF Desa Negara 2030) dan Senarai Kerajaan Negeri/ Daerah/ KPLB/ Agensi Persekutuan serta mengenalpasti isu persempadanan kampung. Perkara-perkara dibincangkan bersama-sama dengan pihak SUK Negeri, Pejabat Daerah, KPLB, KPKT/JKT, JAKOA, JUPEM, FELDA/ FELCRA/ KESEDAR, PBPT dan PLANMalaysia Negeri.

FGD ini juga merupakan medium untuk mendapatkan persetujuan bersama terhadap kriteria yang digunakan untuk penentuan sempadan kampung, isu pembangunan kampung, penyediaan kemudahan awam dan pentadbiran kampung serta memudahcara perkongsian maklumat (*access to information*).



FGD Negeri Pahang
pada 20 Januari 2020



FGD Negeri Kelantan
pada 20 Januari 2020



FGD Negeri Selangor
pada 22 Januari 2020



FGD Negeri Johor
pada 23 Januari 2020

SESI KEDUA *FOCUS GROUP DISCUSSION* (FGD) :

Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan Fasa 2

Bahagian Rancangan Fizikal Negara telah mengadakan FGD Kali Kedua pada bulan Februari dan Mac 2020 bagi Negeri Perak, Pahang, Kelantan, Selangor dan Johor bertempat di Pejabat Daerah dan Tanah negeri masing-masing.

FGD kali kedua ini bertujuan untuk menandakan sempadan kampung, mendapatkan profil kampung, penentuan isu, masalah dan potensi kawasan kampung serta penandaan kemudahan awam kampung bersama ahli-ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Penghulu bagi penyediaan Laporan Teknikal.



Sesi FGD kali kedua bagi Negeri Perak, Daerah Hulu Perak pada 12 Februari 2020



Sesi FGD kali kedua Negeri Pahang, Daerah Lipis pada 10 hingga 13 Mac 2020



Sesi FGD kali kedua Negeri Selangor, Daerah Gombak pada 13 Februari 2020



Sesi FGD kali kedua Negeri Johor, Daerah Batu Pahat pada 9 Mac 2020

BAHAGIAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan Fasa 2

Bahagian Rancangan Fizikal Negara telah mengadakan dua mesyuarat bagi Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan Fasa 2 iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Kajian dan Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Teras.

Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Kajian bagi Laporan Awal



Mesyuarat telah diadakan pada 31 Januari 2020 di Ibu Pejabat PLANMalaysia. Tujuannya adalah untuk menyemak laporan awal yang disediakan oleh pihak perunding agar menepati skop dan keperluan yang telah ditetapkan dalam Terma Rujukan sebelum laporan dibentangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Teras yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan).

Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Teras bagi Laporan Awal

Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Teras telah diadakan pada 5 Februari 2020 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras1, Blok 1, Kementerian Wilayah Persekutuan. Tujuan mesyuarat diadakan adalah untuk meluluskan Laporan Awal bagi Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.



BAHAGIAN
PERANCANGAN WILAYAH

SESI *FOCUS GROUP DISCUSSION* (FGD) :

Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS)



Bahagian Perancangan Wilayah telah mengadakan satu sesi *Focus Group Discussion* (FGD) pada 4 hingga 6 Februari 2020 bertempat di Dewan Damar Sari 3, Aras 3, Blok F8, Kompleks F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya. FGD ini diadakan bagi mendapatkan *input* awalan dan kawasan terkesan/impak daripada jabatan dan agensi teknikal yang berkaitan.



BAHAGIAN PERANCANGAN WILAYAH

LAWATAN TAPAK :

Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS)


Bahagian Perancangan Wilayah telah mengadakan lawatan tapak ke koridor Rangkaian Ekologi CFS bagi *Primary Linkages* (PL) dan *Secondary Linkages* (SL) di Negeri Sembilan, Negeri Perak dan Negeri Johor dalam melihat dan mengenalpasti status pelaksanaan projek pengurusan dan pembangunan *Central Forest Spine*.



Lawatan tapak di Negeri Sembilan telah diadakan pada 10 Februari 2020 bertempat di Koridor Ekologi SL 6 (Hutan Simpan Angsi – Hutan Simpan Beremban)



Lawatan tapak di Negeri Perak diadakan pada 17 hingga 18 Februari 2020 bertempat di Koridor Ekologi PL 2, PL 4, PL 9, PL 10 dan SL 12



Cawangan Tapak Negeri Johor diadakan pada 4 hingga 6 Mac 2020 bertempat di Koridor Ekologi PL 1, PL 3 dan SL 4

Taklimat Tender Projek Pembangunan PLANMalaysia RP4, Tahun 2020 RMK11

Sepanjang bulan Januari hingga April 2020, Unit Penyelaras Projek telah menganjurkan empat sesi taklimat tender kepada firma-firma perancang bandar dan peguam yang berminat bagi membida tawaran tender projek pembangunan PLANMalaysia. Tujuan taklimat tender adalah memberi penerangan dan penjelasan kepada firma perunding yang berminat untuk membida projek-projek pembangunan PLANMalaysia di bawah RP4, Tahun 2020 RMK11.

Antara intipati taklimat adalah taklimat dokumen pelawaan, syarat-syarat tender, cadangan teknikal dan kos serta pembentangan terma rujukan bagi kajian/projek yang diiklankan. Firma akan diberi penerangan tentang syarat-syarat yang ditetapkan dan berpeluang untuk mengemukakan soalan-soalan berkaitan sebelum menyediakan cadangan untuk membida projek tersebut.



SESI I **9 Jan. 2020**

Taklimat tender bagi Kajian Pelan Pengurusan Pembangunan Persisiran Pantai Padang Mat Sirat-Ayer Hangat, Langkawi, Negeri Kedah di Bilik Latihan Aras 11, Blok F5, Kompleks F, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya

SESI II **6 Feb. 2020**

Taklimat tender bagi tujuh (7) Kajian Rancangan Tempatan di Bilik Latihan Aras 11, Blok F5, Kompleks F, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya

SESI III **12 Feb. 2020**

Taklimat tender bagi Kajian Rancangan Pemajuan Labuan 2040 di Bilik Latihan Aras 11, Blok F5, Kompleks F, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya

SESI IV **13 Mac 2020**

Taklimat tender bagi tiga (3) Kajian Perundangan di Bilik Latihan Aras 11, Blok F5, Kompleks F, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya

UNIT PENYELARASAN PROJEK

Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Mesyuarat/ Perbincangan Kumpulan Sasar (FGD) atas Talian dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)



PLANMalaysia

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PELAKSANAAN MESYUARAT/ PERBINCANGAN KUMPULAN SASAR (FGD) ATAS TALIAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Prosedur Operasi Standard (SOP) telah disediakan oleh Unit Penyelarasan Projek, PLANMalaysia bagi memperincikan proses pelaksanaan mesyuarat/ perbincangan kumpulan sasaran (FGD) atas talian bersama Perunding Perancang Bandar, Jabatan Teknikal, PBT dan pihak-pihak berkepentingan atau pemegang taruh selaras dengan keputusan Mesyuarat Penyelarasan dan Pemantauan Projek-Projek Pembangunan PLANMalaysia Bil. 1/2020 yang diadakan secara atas talian, dipengerusikan oleh YBhg. Dato' TPr Ketua Pengarah pada 28 April 2020 untuk membendung penularan wabak pandemik Covid-19 yang melanda dunia. SOP ini adalah bagi memastikan pelaksanaan projek-projek baharu dan projek sedia ada (sambungan) di bawah

peruntukan pembangunan (P43) bagi tahun 2020 dapat dijalankan sebaik mungkin atas talian ekoran arahan Kerajaan melanjutkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020 hingga 9 Jun 2020 yang memberi kesan langsung kepada prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan PLANMalaysia tahun 2020.

SOP ini terpakai dalam tempoh pelaksanaan PKPB dan disesuaikan dengan normal baharu. SOP ini telah dihebahkan pada 15 Mei 2020 dan boleh diakses melalui laman web Jabatan

www.planmalaysia.gov.my.

Kajian Rangka Kerja Pembangunan Wilayah Bersepadu (RWB)

Bahagian Rancangan Fizikal Negara telah mengadakan dua mesyuarat iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Kajian dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi penyediaan Laporan Teknikal Kajian Rangka Kerja Pembangunan Wilayah Bersepadu (RWB).

Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Kajian



Mesyuarat diadakan pada 20 Januari 2020 (Isnin) bertempat di Bilik Mesyuarat Setia, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). Mesyuarat ini bertujuan untuk meneliti dan menilai Draf Kedua Laporan Teknikal RWB yang telah disediakan untuk diperakukan sebelum diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal RWB.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal



Mesyuarat telah diadakan pada 22 Januari 2020 (Rabu) bertempat di Dewan Serbaguna, Menara Seri Wilayah, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP). Tujuan mesyuarat diadakan adalah untuk meluluskan Laporan Teknikal Kajian Rangka Kerja Pembangunan Wilayah Bersepadu (RWB).

BAHAGIAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Kajian: Kajian Rancangan Fizikal Negara Keempat



Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Kajian Peringkat Draf Kedua Laporan Teknikal bagi Kajian Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN4) telah diadakan pada 25 hingga 26 Februari 2020 & 13 Mac 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Kesidang@8, Ibu Pejabat PLANMalaysia. Seramai 37 orang peserta telah hadir terdiri daripada pegawai di PLANMalaysia, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia dan pihak perunding. Mesyuarat ini bertujuan meneliti dan menilai Draf Kedua Laporan Teknikal RFN4 yang telah disediakan sebelum diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peringkat Draf Kedua Laporan Teknikal RFN4.

KOMPENDIUM PLANMalaysia

Pembentangan kompendium PLANMalaysia telah diadakan pada 10 Februari 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 13, Blok F5, Kompleks F, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Beberapa tajuk kompendium telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut antaranya Hidup Sihat dan Sejahtera disediakan oleh Pejabat Projek Zon Timur (PPZR), Kenali PLANMalaysia oleh Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan (BPKSP), Persisiran Pantai Negara: Aset Negara oleh Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP) serta topik Memperkasakan Pengangkutan Awam oleh Pejabat Projek Zon Timur (PPZR).



BAHAGIAN KORPORAT

Penyampaian Amanat Ketua Pengarah Sempena Perhimpunan Awal Tahun 2020 PLANMalaysia

Majlis telah berlangsung pada 14 Januari 2020 (Selasa) di Dewan Damar Sari 3, Blok F8, Kompleks F, Putrajaya yang telah diurusetikan oleh Bahagian Korporat. Terukir sejarah baharu PLANMalaysia kerana menjadi Jabatan pertama yang menggunakan dewan tersebut sebelum berpindah secara rasmi ke bangunan baharu Blok F5 pada 10 Februari 2020.



“Kita perlu memastikan PLANMalaysia adalah sentiasa relevan kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Walaupun tenaga kerja di Jabatan ini kecil berbanding dengan agensi-agensi lain kita perlu buktikan bahawa kualiti kerja adalah lebih penting berbanding kuantiti tenaga kerja dalam sesebuah organisasi. Justeru itu, kita perlu bantu-membantu antara satu sama lain, “do not work in silos”. Kita adalah satu keluarga dan komunikasi sesama kita amat penting dan perlu sentiasa dipertingkatkan. Sekiranya ini diamalkan, saya percaya, PLANMalaysia akan terus menjadi sebuah organisasi yang relevan dan cemerlang di negara ini “

- YBhg. Dato' TPr Mohd Anuar bin Maidin, Ketua Pengarah PLANMalaysia.



Pelancaran Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat PLANMalaysia

Bahagian Korporat telah memperkenalkan Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat yang telah dilancarkan sempena Majlis Amanat Ketua Pengarah dan Perhimpunan Awal Tahun 2020 PLANMalaysia pada 14 Januari 2020. Pelancaran Garis Panduan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' TPr Mohd Anuar bin Maidin, Ketua Pengarah PLANMalaysia.



BAHAGIAN KORPORAT

School Outreach Program : PLANMalaysia Bersama Komuniti

PLANMalaysia melalui Bahagian Korporat telah mengadakan *career talk* kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bagi memperkenalkan dan mempromosikan kerjaya Perancang Bandar dan Desa sebagai salah satu kerjaya yang boleh dipilih oleh para pelajar. Sesi *Career Talk* telah diadakan di Sekolah Menengah Alam Shah Putrajaya pada 6 Februari 2020 melibatkan seramai 281 pelajar daripada 59 buah sekolah (sekitar WP Putrajaya dan Kuala Lumpur) dan sesi kedua di Sekolah Menengah Sains Labuan pada 10 Februari 2020 melibatkan 258 pelajar daripada 10 buah sekolah (di WP Labuan).

Bahagian Korporat juga telah menganjurkan Pertandingan Melukis Poster yang bertemakan *MY DREAM CITY TOWARDS 2050* bertujuan untuk melihat impian dan gambaran dari mata generasi muda terhadap Negara Malaysia pada masa akan datang menjelang tahun 2050. Pelajar-pelajar ini merupakan bakal peneraju dan pemimpin negara pada masa hadapan. Program ini telah mendapat sambutan yang sangat baik melibatkan 283 penyertaan.



Ucapan oleh Pengarah Bahagian Korporat
PLANMalaysia



Ucapan Aluan oleh Penolong Kanan Pentadbiran
Sekolah Menengah Sains Labuan



Career Talk disampaikan oleh Pegawai Perancang
Bandar dan Desa, PLANMalaysia



Sesi foto urus setia bersama pihak Sekolah Menengah Sains Labuan dan peserta pertandingan melukis

Pertandingan Melukis Poster di Sekolah Menengah Sains Labuan



Sesi pendaftaran peserta yang menyertai pertandingan melukis.



Sesi taklimat kepada peserta sebelum pertandingan melukis bermula.



Sesi pertandingan melukis.

Pertandingan Melukis Poster di Sekolah Menengah Alam Shah Putrajaya



Sesi foto urus setia bersama pihak sekolah dan peserta pertandingan melukis.



Sesi taklimat kepada peserta sebelum pertandingan melukis bermula.



Sesi pertandingan melukis.

Pertandingan Pengucapan Awam Sempena Sambutan Hari Inovasi PLANMalaysia 2020



Tempat Pertama



Tempat Kedua



Tempat Ketiga

Sambutan Hari Inovasi PLANMalaysia tahun 2020 membuka tirai dengan konsep baharu iaitu penganjuran Pertandingan Pengucapan Awam. Pertandingan ini telah diadakan pada 12 Februari 2020 di Dewan Serbaguna Kementerian Wilayah Persekutuan. Konsep ini telah membuka satu dimensi baharu kepada semua lapisan pegawai PLANMalaysia untuk tampil lebih berani dalam menyampaikan idea-idea melalui pengucapan awam yang berkualiti.

Pertandingan ini mendapat penyertaan yang menggalakkan, maka dengan itu pihak Bahagian Korporat telah membuat pertandingan saringan bagi memilih tiga orang peserta terbaik untuk ke pusingan akhir. Tiga peserta yang layak ke peringkat akhir adalah Encik Rosaidi bin Omang (tempat pertama) dari Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan dengan pengucapan awam yang bertajuk “Sayangi Wilayah Cintai Sepenuh Hati”, Encik Mohd Saiful Azzam bin Rosli (tempat kedua) dari Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan dengan tajuk “Remaja Berwawasan, Aspirasi Negara”, dan Puan Nur Najwa binti Basori (tempat ketiga) dari PLANMalaysia Negeri Kedah dengan tajuk “Inovasi Teras Kecemerlangan Negara”.

BAHAGIAN KORPORAT

TAKLIMAT KORPORAT PLANMalaysia

Sebagai bahagian yang bertindak mengurus sebaran maklumat dan publisiti serta perhubungan awam, Bahagian Korporat telah menyelaraskan satu taklimat kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Taklimat ini bertujuan untuk memberi penerangan dan pemahaman kepada pengurusan tertinggi KPKT terhadap fungsi serta peranan PLANMalaysia dalam memacu perancangan pembangunan negara yang lebih menyeluruh.

Produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh PLANMalaysia diberi fokus utama dalam taklimat ini serta tugas-tugas utama yang melibatkan YB Menteri KPKT, YB Timbalan Menteri KPKT dan juga Ketua Setiausaha KPKT berdasarkan Akta 172.



Taklimat Korporat Pengurusan Tertinggi PLANMalaysia kepada Ketua Setiausaha (KSU) KPKT pada 16 April 2020 di Bilik Mesyuarat KSU




Taklimat Korporat Pengurusan PLANMalaysia kepada YB Menteri dan Timbalan Menteri KPKT pada 29 Mei 2020 di Bilik Mesyuarat KPKT

Media Sosial PLANMalaysia Mendekati Masyarakat Sempena Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Walaupun negara dilanda pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah diperketatkan oleh Kerajaan, Bahagian Korporat mengambil kesempatan untuk memperhebatkan kandungan media sosial rasmi Jabatan melalui portal, *Facebook, twitter, instagram* dan *youtube* dengan menyelaraskan siaran artikel serta mendapat kerjasama setiap bahagian-bahagian di PLANMalaysia. Sebanyak 81 artikel berjaya disiarkan dalam tempoh PKP bagi mendekati masyarakat dengan memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang disediakan.

 PLANMalaysia



PLANMalaysia
The official Facebook page of the PLANMalaysia (Department of Town and Country Planning)

PLANMalaysia
Published by Arie Shari · 14 April 2020 ·


FROM 'RED' TO SUSTAINABLE FUTURE CITIES

While the scientists and medical experts around the world crash their head seeking for vaccine to prevent and to treat coronavirus disease (Covid-19), the economists finding the right 'medicine' for the world economy (The Economist, 5/4/2020), same goes to other sectors, professions and fields, all parties are on thinking. Authorities and stakeholders that responsible in managing urban areas should also play their part to think, act and find ways to ensure sustainability and resiliency in urban development. For town planners, we can't leave the state of 'red' in our cities to continue. 'Anticipated' and more responsive urban planning agenda and solutions need to be explored and executed exhaustively.

Planning for 'more sustainable' urban development should now be the main 'itinerary' of urban planning. To reach this, the contemporary world agenda of SDGs and many thoughts could be referred to. In Islamic perspective, besides Quran and Hadith, principles of 'Maqasid Syariah', the concept of 'Rahmatan Lil Alamin' and ideas in Al Muqadimah (by Ibn Khaldun, 1377) are amongst the worthy knowledge references discussing about the people, life and 'estidama' (arabic word for sustainability). In modern era, sustainable development concept was defined, by the Brundtland Report (1987), as development that 'meets the needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs'. If we read between the lines, the definition generally synonyms with the message of Mahatma Gandhi, who quotes 'the earth has enough resource for our need, but not for our greed'.

In line with the above aspirations, PLANMalaysia in early 2010s, has taken initiative to develop a special framework for Malaysian Sustainable Future Cities with the ultimate aim to ensure every one from every walk of life can enjoy a more harmonious, healthy, happy, peaceful and well preserved environment. To achieve sustainable development, cities need to emphasize on the integration and formation of a unified, caring and socially inclusive community system, the generation of a productive and resilient urban economy together with the adoption of green practices which will support the adaptation to climate change. In other words, future cities need to meet the aspirations to create liveable cities, empowered to generate new integrated values in the aspects of social, economic, environment and urban governance.

To realise the agenda, thus it's become our responsibility to develop Malaysian cities sustainably, including resilient from diseases outbreaks, towards attaining continuous wellbeing of society. With the spirit of 'planning beyond conventional', urban planners, city managers, let's together to turn 'Planning in Red' to 'Planning for Sustainable Future Cities'.




PLANMalaysia
Published by Bahagian Korporat · 19 March 2020 ·


Berdasarkan situasi semasa COVID-19 di Malaysia dan perkembangan terkini di peringkat global, setiap peringkat fasiliti kesihatan adalah amat penting dalam melaksanakan langkah-langkah pencegahan serta kawalan infeksi (infection prevention and control) yang optimum pada setiap masa. Begitu juga, mekanisme bagi pengesanan awal dan pengasingan.

Kedudukan fasiliti kesihatan dan threshold populasi juga amat penting dalam konteks ini bagi memastikan Malaysia sentiasa dapat mengawal dan menangani kejadian seumpama ini dengan berkesan.

Disediakan oleh: Bahagian Korporat, PLANMalaysia

#GP
#GPKemudahanMasyarakat
#PLANMalaysia
#perancanganmelangkaikelazaman



A large pink banner graphic with a white triangular cutout at the bottom center, positioned at the top of the page.

BULETIN

PLANMalaysia

MEI - OGOS 2020

UNIT PENYELARASAN PROJEK

Majlis Bersama Perunding Perancang Bandar 2020



Majlis Bersama Perunding Perancang Bandar 2020 telah berlangsung pada 1 Julai 2020 di Hotel Grand Lexis Port Dickson, Negeri Sembilan. Ia bertujuan memastikan dokumen perancangan yang disediakan oleh Jabatan adalah berkualiti dan berdaya laksana bagi menyokong pembangunan Negara ke arah kemakmuran bersama (*shared prosperity*).

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' TPr Mohd Anuar bin Maidin, Ketua Pengarah PLANMalaysia serta dihadiri Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), Pengarah/wakil PLANMalaysia Negeri, Pengarah-Pengarah Bahagian/Pejabat Projek dan Pengurus-Pengurus Projek. Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) dan semua firma perunding Perancang Bandar yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) turut dijemput menyertai majlis ini.

Ucuptama majlis telah disampaikan oleh Ketua Pengarah PLANMalaysia. Antara intipati ucapan beliau adalah berkaitan dengan perolehan projek dan pelantikan perunding tahun 2020. Selain itu, beliau juga menyentuh berkaitan dengan tindakan tatatertib yang boleh diambil oleh MOF terhadap ketidakpatuhan yang berlaku di kalangan perunding. YBhg. Dato' Ketua Pengarah juga menjelaskan hala tuju dan pendekatan baharu PLANMalaysia dalam perancangan seperti *Localising* Cadangan Rancangan Pemajuan (LCRP) dan *New Normal* dalam menterjemah dan melaksanakan SDGs dan NUA dalam konteks pembangunan spatial negara.

Sesi *townhall* bersama perunding turut diadakan sebagai salah satu *platform* kepada perunding dan Pengurusan Tertinggi untuk berbincang dan menyuarakan pendapat serta cadangan penambahbaikan mengenai perkhidmatan perunding dan profesion perancang bandar dalam penyediaan kajian-kajian PLANMalaysia. Sesi *report card* penilaian prestasi perunding bersama Pengarah Bahagian/Pengurus Projek turut diadakan dalam majlis ini.

UNIT PENYELARASAN PROJEK

PLANMalaysia Memacu Pembangunan Negara dengan Lebih Komprehensif dan Strategik



PLANMalaysia telah mengadakan Mesyuarat Pengurus-Pengurus Projek Bil.1/2020 pada 30 Jun 2020 yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' TPr Mohd Anuar bin Maidin, Ketua Pengarah PLANMalaysia. Mesyuarat ini dihadiri oleh Pengarah PLANMalaysia Negeri, Pengarah Bahagian dan Pejabat Projek Zon serta semua Pengurus Projek yang melaksanakan projek-projek jabatan pada tahun ini. Mesyuarat Pengurus-Pengurus Projek ini adalah *platform* bagi membincangkan isu pelaksanaan projek-projek pembangunan oleh Jabatan serta memantau kemajuan fizikal dan pengurusan kewangan projek.

Selain itu, mesyuarat ini juga memastikan rancangan pemajuan dan produk Jabatan dapat membantu memacu pembangunan negara dengan lebih komprehensif dan strategik. YBhg Dato' Ketua Pengarah mengharapkan agar semua Pengurus Projek bersedia terhadap sebarang perubahan dasar dan idea-idea baharu serta berfikir secara terbuka dan kreatif. Beliau juga berharap agar kesinambungan dan kecemerlangan Jabatan dapat diteruskan dan ditingkatkan sehingga ke peringkat yang membanggakan.

Terdapat tiga (3) kertas kerja dibentangkan dalam mesyuarat berkenaan iaitu:

- Kertas Kerja 1: *Prosedur Operasi Standard* (SOP) Pengukuhan Fungsi Pejabat Projek oleh Unit Penyelaras Projek (UPP);
- Kertas Kerja 2: *Post Covid-19 Recovery*: Perancangan Bandar Pasca Covid-19 oleh Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP); dan
- Kertas Kerja 3: Penyelaras Perancangan bagi Daerah Negeri Berjiran Dalam Konteks Rancangan Kawasan Khas (RKK): Pengalaman Kajian RKK Tanjung Gemok, Rompin Pahang oleh Pejabat Projek Zon Timur.

Satu sesi perbincangan bagi Kajian Penilaian *Outcome* Projek/Program PLANMalaysia telah diadakan pada 27 Ogos 2020 bertempat di Ibu Pejabat PLANMalaysia, Putrajaya. Perbincangan ini bertujuan memberi pendedahan dan pemahaman mengenai penyediaan kajian Penilaian *Outcome* dan format baharu penyediaan kertas kajian kepada semua Bahagian dan Pejabat Projek di PLANMalaysia.

Taklimat Penilaian *Outcome* Projek/Program telah disampaikan oleh En. Huzaimi bin Baharudin dari Unit Penilaian, Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Taklimat beliau menyentuh mengenai format kajian penilaian *outcome* sepertimana keperluan ICU, JPM. Selain itu, sesi perkongsian pengalaman juga telah diadakan dengan penyertaan pegawai-pegawai PLANMalaysia yang berpengalaman dalam menjalankan kajian *outcome*.

Antara senarai pembentangan yang telah dibuat dalam sesi perbincangan ini adalah:

- a) Sesi Perkongsian I : Laporan Penilaian *Outcome* Projek *Universal Design* Pelaksanaan Komponen Kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU), Taman Rahmat, Marang, Terengganu oleh Pejabat Projek Zon Timur;
- b) Sesi Perkongsian II : Laporan Penilaian *Outcome* Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS) Fasa 1 oleh Bahagian Perancangan Wilayah;
- c) Sesi Perkongsian III : Draf Laporan Penilaian *Outcome* Rancangan Kawasan Khas Pekan Ipoh – Bandar Warisan Bijih Timah oleh Pejabat Projek Zon Tengah; dan
- d) Sesi Perkongsian IV : Draf Laporan Penilaian *Outcome* Rancangan Kawasan Khas Pusat Bandar Kuala Perlis, Perlis 2030 oleh Pejabat Projek Zon Utara.

Kajian Penilaian *Outcome* Projek/ Program PLANMalaysia



BAHAGIAN KORPORAT

JPP - Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan PLANMalaysia Tahun 2020

PLANMalaysia melalui Bahagian Korporat telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan PLANMalaysia Bil. 4 Tahun 2020 pada 20 Julai 2020 bertempat di Bilik Persidangan Tanjung, Ibu Pejabat PLANMalaysia. Mesyuarat telah dilangsungkan secara maya menggunakan *Google Meet* bagi ahli yang tidak dapat hadir secara fizikal. Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Dato' TPr Mohd Anuar bin Maidin, Ketua Pengarah PLANMalaysia.



Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan PLANMalaysia Bil. 5 Tahun 2020 telah diadakan pada 17 hingga 18 Ogos 2020 bertempat di Bilik Gerakan Negeri, Kompleks Kota Darulnaim, Kota Bharu, Kelantan. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' TPr Mohd Anuar bin Maidin, Ketua Pengarah PLANMalaysia.

Pelan Strategik PLANMalaysia 2021- 2025

PLANMalaysia telah mengadakan satu bengkel bagi memuktamadkan Pelan Strategik PLANMalaysia Tahun 2021-2025 pada 27 hingga 28 Julai 2020 yang lalu bertempat di Royale Signature Hotel, Alor Setar, Kedah. Sesi pembukaan bengkel telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' TPr Mohd Anuar bin Maidin, Ketua Pengarah PLANMalaysia. Bengkel Pelan Strategik PLANMalaysia ini melibatkan Pengurusan Tertinggi PLANMalaysia, Pengarah-Pengarah PLANMalaysia Negeri, Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah Pejabat Projek dan Ketua Unit di PLANMalaysia dalam sama-sama berdiskusi menjadikan Jabatan sebagai Pusat Kecemerlangan Perkhidmatan Perancangan Bandar yang kukuh merangkumi pelbagai aspek perancangan bandar.



BAHAGIAN KORPORAT

Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 PLANMalaysia



Bahagian Korporat telah mengadakan satu sesi perbincangan bagi semakan Dokumen ISO 9001:2015 pada 11 hingga 12 Ogos 2020 bertempat di Sri Manja Boutique Hotel, Kuantan. Perbincangan ini bertujuan untuk menyemak dokumen ISO 9001: 2015 dan membuat pindaan penambahbaikan dalam meningkatkan kualiti sistem penyampaian Jabatan.



Jabatan melalui Bahagian Korporat telah mengadakan Audit Pemantuan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 PLANMalaysia oleh SIRIM QAS pada 27 hingga 28 Ogos 2020.



Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Timbalan Ketua Pengarah Perancangan PLANMalaysia

Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) PLANMalaysia, TPr Hajah Rohani binti Md Hashim telah diadakan pada 7 Julai 2020 di Bilik Persidangan Tanjung, PLANMalaysia.

*...Mungkin di sini kita kan terpisah
Di sini jua memori tercipta
Kenangan Bersama tiada dilupa...*

Saya dengan penuh takzim dan ikhlas ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan berbilang terima kasih kepada semua warga kerja dari pelbagai peringkat di atas segala kerjasama erat, sokongan padu, bantuan dan sokongan yang telah diberikan kepada saya sepanjang tempoh perkhidmatan saya sebagai Timbalan Ketua Pengarah Perancangan.”

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memohon ribuan ampun dan maaf di atas segala kesilapan, kelemahan, keterlanjuran perbuatan dan kata-kata yang telah menyinggung perasaan dan hati sesiapa sahaja samada secara sedar atau tidak sedar di sepanjang perkhidmatan saya.

– TPr Hajah Rohani binti Md Hashim

PLANMalaysia mengucapkan terima kasih kepada TPr Hajah Rohani binti Md Hashim atas jasa dan bakti beliau sepanjang bertugas di Jabatan ini.



BAHAGIAN KORPORAT

Lawatan Kerja dan Kunjungan Muhibah Ketua Pengarah PLANMalaysia

Ketua Pengarah PLANMalaysia, YBhg. Dato' TPr Anuar bin Maidin telah mengadakan lawatan kerja dan kunjungan muhibah ke Pejabat YAB Menteri Besar dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) bagi memperkukuhkan hubungan strategik Jabatan serta memberi penerangan tentang dasar-dasar perancangan bandar dan desa bagi pelaksanaan projek di bawah Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT).

Beliau turut mengadakan lawatan ke pejabat PLANMalaysia Negeri dan Pejabat Projek Zon yang melibatkan Pegawai-pegawai OSC berdekatan untuk menyampaikan amanat perancangan yang perlu dilaksanakan di peringkat negeri dan juga peringkat tempatan.



PLANMalaysia Negeri Kelantan, 16.08.2020



PLANMalaysia Negeri Perak, 11.09.2020



PLANMalaysia Negeri Johor, 14.09.2020



PLANMalaysia Negeri Pulau Pinang, 24.09.2020



PLANMalaysia Negeri Kedah, 26.07.2020



PLANMalaysia Negeri Terengganu, 06.09.2020

BAHAGIAN KORPORAT

Kunjungan Hormat Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) kepada Ketua Pengarah PLANMalaysia

Jabatan telah menerima satu kunjungan hormat daripada wakil Perbadanan PR1MA Malaysia kepada Ketua Pengarah PLANMalaysia pada 15 Julai 2020. Kunjungan hormat ini bertujuan membincangkan berkenaan '*Business Continuity Strategy*' (BCS) dan projek-projek PR1MA yang berpotensi untuk kerjasama strategik bersama PLANMalaysia.

PLANMalaysia bekerjasama dengan PR1MA dalam memberikan perkhidmatan perancangan yang bersesuaian untuk pembangunan perumahan mampu milik di Malaysia di samping mengeratkan kerjasama sebagai agensi yang bernaung di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Antara perkara yang dibincangkan ialah empat (4) buah lokasi yang berpotensi untuk dibangunkan dengan kerjasama PLANMalaysia iaitu:

- i. Sungai Pinang, Negeri Pulau Pinang ;
- ii. Gambang 2, Negeri Pahang ;
- iii. Hulu Langat, Negeri Selangor ; dan
- iv. Sungai Merab, Negeri Selangor.



Sesi

Focus Group Discussion 2 (FGD 2)

bagi Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 2

Bahagian Rancangan Fizikal Negara telah mengadakan sesi *Focus Group Discussion 2* (FGD 2) bagi Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 2. Program FGD 2 ini melibatkan dua negeri iaitu Negeri Perak dan Negeri Pahang. Selain dari penglibatan dari PLANMalaysia Negeri, agensi lain seperti UPEN, Pejabat Tanah dan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Penghulu, Penggawa, Ketua Kampung dan Ahli MPKK yang berkenaan juga turut terlibat. FGD ini adalah untuk menandakan sempadan kampung, mendapatkan profil kampung serta isu, masalah dan potensi kawasan kampung, penandaan kemudahan awam kampung bersama SUK Negeri, Pejabat Daerah, Penghulu, Penggawa, Pengerusi MPKK, Ketua Kampung, KPLB, JKO, FELDA/ FELCRA/ KESEDAR bagi penyediaan Laporan Teknikal. Hasil daripada maklumat yang diperolehi daripada FGD ini telah dijadikan *input* utama dalam penyediaan Draf Laporan Akhir yang mengandungi draf pelan sempadan kampung, draf pelan lokasi kemudahan, profil, maklumat kampung dan kemudahan serta rumusan isu, potensi pembangunan serta cadangan awal kampung.



FGD Negeri Perak Daerah Kampar pada 11.06.2020



FGD Negeri Pahang Daerah Raub pada 23-24.06 2020

BAHAGIAN RANCANGAN
FIZIKAL NEGARA



Majlis Perancang Fizikal Negara

Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) ditubuhkan bertujuan untuk menyelaraskan dan menyeimbangkan kuasa di antara kerajaan pusat dengan kerajaan-kerajaan negeri dalam hal ehwal perancangan bandar dan desa. Majlis ini ditubuhkan di bawah peruntukan Subseksyen 2A(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. MPFN merupakan Majlis tertinggi yang bertanggungjawab ke atas perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia. MPFN dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dianggotai oleh semua Menteri Besar dan Ketua Menteri serta Menteri-Menteri yang mempunyai tanggungjawab berkaitan perancangan bandar dan desa. MPFN bersidang buat kali pertamanya pada tahun 2003 dan sehingga kini MPFN telah bersidang sebanyak 34 kali. Bagi tahun 2020, MPFN telah diadakan sebanyak 2 kali.

MPFN kali Ke-33, Bil.1 bagi tahun 2020 telah diadakan pada 11 Jun 2020 di Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya yang dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia. MPFN membincangkan satu Kertas Makluman, satu Kertas Persetujuan dan empat (4) Kertas Nasihat.

1	2	3	4	5	6
Pengenalan MPFN	Draf Rancangan Struktur Negeri Kedah 2035	Penyelarasan Keahlian Agensi Di Peringkat Persekutuan bagi Lima (5) Jawatankuasa Perancang Wilayah (JPW) Semenanjung Malaysia	Cadangan Pembangunan bagi Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bagi Negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Selangor untuk Tetuan Kementerian Pengangkutan Malaysia. - Nasihat di Bawah Seksyen 20B, Akta Perancangan Bandar dan Desa [Akta 172].	Cadangan Pemajuan Projek Hidroelektrik Nenggiri Seluas 694.70 Hektar (1,716.64 Ekar) Di atas Rizab Hutan Simpan Sungai Terah dan Hutan Simpan Kekal Nenggiri, Mukim Hulu Nenggiri, Daerah Bertam, Jajahan gua Musang, Kelantan untuk Tetuan Tenaga Nasional Berhad. - Nasihat di Bawah Perenggan 2A(2)(b), Akta Perancangan Bandar dan Desa [Akta 172].	Cadangan Pemajuan Bercampur Seluas 677.77 Hektar (1,674.81 Ekar), Di Atas Lot 1826, 1829, 1557, 2457 dan 2466, Mukim 6, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang untuk Tetuan Setia Fontaines Sdn. Bhd. - Nasihat di Bawah Subseksyen 22(2A), Akta Perancangan Bandar dan Desa [Akta 172].
Kertas Makluman	Kertas Persetujuan	Kertas Nasihat	Kertas Nasihat	Kertas Nasihat	Kertas Nasihat

MPFN kali Ke-34, Bil.2 bagi tahun 2020 telah diadakan pada 13 Ogos 2020 di Bilik Mesyuarat Utama Aras 3, Blok Ahli Parlimen dan Pentadbiran Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur yang dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia. MPFN ini membincangkan satu Kertas Persetujuan dan dua (2) Kertas Nasihat.

1 Draf Rancangan Struktur Negeri Terengganu 2050 Kertas Persetujuan	2 Cadangan Pembangunan Bercampur Di Mukim Ampangan dan Rantau, Daerah Seremban, Negeri Sembilan untuk Tetuan Seriemas Development Sdn. Bhd. - Nasihat Di Bawah Subseksyen 22(2A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] Kertas Nasihat	3 Cadangan Pembangunan Sebuah Lapangan Terbang Baharu Kod 4C Berkeluasan 231.31 Ekar di Pulau Tioman, Daerah Rompin, Pahang Darul Makmur untuk Tetuan Tioman Infra Sdn. Bhd. - Nasihat Di Bawah Perenggan 2A(2)(b), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] Kertas Nasihat
---	---	--



BAHAGIAN RANCANGAN
FIZIKAL NEGARA

Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4)

Bahagian Rancangan Fizikal Negara (BRFN) PLANMalaysia telah mengadakan beberapa agenda mesyuarat bagi kajian Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4). Pada 20 Mei 2020, BRFN telah mengadakan satu mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peringkat Draf Kedua Laporan Teknikal bagi Kajian Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) bertempat di Ibu Pejabat PLANMalaysia Putrajaya. Mesyuarat ini bertujuan untuk menilai Draf Kedua Laporan Teknikal RFN4 sebelum dimuktamadkan/ diluluskan untuk bayaran mengikut peringkat kajian. Mesyuarat dihadiri seramai 61 pegawai-pegawai daripada Ibu Pejabat PLANMalaysia, Kementerian serta PBT dan Agensi di peringkat Persekutuan.



Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Kajian Peringkat Draf Pertama Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4), Bil.1/2020



Pada 17 Julai 2020, satu Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Kajian Peringkat Draf Pertama Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4), Bil.1/2020 telah diadakan di Ibu Pejabat PLANMalaysia Putrajaya. Ia adalah bertujuan untuk meneliti dan menilai Draf Pertama RFN4 untuk diperakukan sebelum diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Draf Pertama RFN4, Bil.2/2020. Ahli mesyuarat terdiri daripada 39 orang pegawai-pegawai dari Ibu Pejabat PLANMalaysia, Unit Perancang Ekonomi dan pihak perunding Rekarancang Sdn. Bhd. Mesyuarat bersetuju untuk laporan ini dibentang di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Draf Pertama Rancangan Fizikal Negara Keempat Bil.2/2020 dengan pindaan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Kajian Peringkat Draf Pertama Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4), Bil.2/2020

Pada 21 Ogos 2020, BRFN telah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Kajian Peringkat Draf Pertama Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) di Ibu Pejabat PLANMalaysia Putrajaya. Mesyuarat ini bertujuan untuk menilai draf pertama RFN4 sebelum ianya dimuktamad dan diperakukan. Seramai 94 orang menyertai mesyuarat ini terdiri daripada pegawai-pegawai daripada Ibu Pejabat PLANMalaysia, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perangkaan dan Pihak Perunding Rekarancang Sdn. Bhd.



Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) Draf Pertama Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4)

Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) bagi Draf Pertama Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) telah diadakan pada 3 hingga 5 Ogos 2020. Sesi perbincangan ini dipengerusikan oleh TPr Norasiah Bee binti Mohd Haniff, Pengarah Bahagian Rancangan Fizikal Negara, PLANMalaysia. Tujuan sesi FGD ini adalah untuk menyelaraskan dan menyediakan *input* kepada dua kertas strategik iaitu '*Strengthening Coordination to Support Regional Development*' dan '*Progressing Towards Sustainable Cities*' bagi RMKe-12.



BAHAGIAN RANCANGAN
FIZIKAL NEGARA

Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) Sesi Rundingan Bersama Pihak Berkuasa Negeri

Dalam penyediaan kajian Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4), PLANMalaysia telah mengadakan dua sesi rundingan bersama Pihak Berkuasa Negeri. Sesi rundingan bersama Pihak Berkuasa Negeri Melaka telah diadakan pada 17 Ogos 2020 di PLANMalaysia Negeri Melaka, manakala sesi rundingan bersama Pihak Berkuasa Negeri Terengganu diadakan pada 24 Ogos 2020 di PLANMalaysia Negeri Terengganu. Tujuan rundingan ini diadakan adalah untuk membincangkan berkaitan dengan perancangan dan hala tuju pembangunan Negeri Melaka dan Negeri Terengganu sehingga tahun 2050 serta aspek-aspek pembangunan ekonomi, pelaburan dan projek pembangunan berimpak tinggi.



Sesi Rundingan Bersama Pihak Berkuasa Negeri Melaka



Sesi Rundingan Bersama Pihak Berkuasa Negeri Terengganu

Lawatan Kerja ke

Centralized Command Centre (CCC) SWCorp Malaysia bagi Kajian Malaysia Urban Observatory

PLANMalaysia telah mengadakan satu lawatan kerja ke *Centralized Command Centre (CCC) SWCorp Malaysia* bagi Kajian *Malaysia Urban Observatory (MUO)*. Lawatan berlangsung pada 28 Julai 2020 bertempat di Ibu Pejabat SWCorp, Cyberjaya sebagai penanda aras (*benchmarking*) dan perkongsian pengalaman terhadap beberapa perkara berhubung dengan CCC yang berada di SWCorp. Ini selaras dengan projek pembangunan Sistem MUO yang sedang dilaksanakan dengan merangkumi cadangan pembentukan sistem kawalan dan cadangan *command centre*.



BAHAGIAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

Kajian Projek Penentuan Sempadan Bandar (PSB)

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bagi Laporan Teknikal Kajian PSB Fasa I

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi Laporan Teknikal Kajian PSB Fasa I telah diadakan secara atas talian pada 12 hingga 13 Mei 2020. Kajian bagi PSB melibatkan sebanyak 181 bandar yang telah disenaraikan dalam Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) bagi Semenanjung Malaysia dan WP Labuan. Kajian ini bermula pada bulan Mei 2019 dan ketika ini di peringkat penyediaan Laporan Teknikal. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) PLANMalaysia. Mesyuarat telah membincangkan dan meluluskan Laporan Teknikal Fasa I bagi kawasan Negeri Perak, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor.



Projek Penentuan Sempadan Bandar (PSB)

PLANMalaysia melaksanakan Kajian Projek Penentuan Sempadan Bandar (PSB) melalui sesi *Focus Group Discussion* (FGD) bersama Agensi Berkepentingan dan juga mesyuarat rundingan di peringkat Negeri. Antara FGD yang telah diadakan sehingga Ogos 2020 adalah seperti berikut:

Focus Group Discussion (FGD 1) Fasa 2 Bersama Agensi Berkepentingan

Sesi *Focus Group Discussion* (FGD) ini diadakan pada 7 hingga 8 Julai 2020 di Kompleks F, Putrajaya. Dihadiri peserta dari agensi berkepentingan di peringkat Negeri Johor, Terengganu dan Kelantan antaranya PLANMalaysia Negeri, UPEN, Pejabat Tanah dan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi berkenaan. FGD bertujuan untuk mendapatkan maklum balas serta membuat semakan sempadan bandar yang disediakan oleh perunding.



Mesyuarat Rundingan Peringkat Negeri Johor

Sesi Mesyuarat Rundingan Peringkat Negeri Johor telah diadakan pada 4 Ogos 2020 di Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor. Mesyuarat ini membincangkan Cadangan Sempadan Pertumbuhan Bandar bagi Laporan Teknikal Kajian PSB Fasa 2. Mesyuarat melibatkan 30 wakil Pegawai Perancang Bandar daripada PLANMalaysia dan PBT Negeri Johor serta dihadiri perunding kajian. Tujuannya adalah untuk mendapatkan persetujuan dan penetapan ke atas cadangan sempadan pertumbuhan 26 bandar di peringkat Laporan Teknikal Fasa 2 yang disediakan oleh pihak perunding.



BAHAGIAN RANCANGAN
FIZIKAL NEGARA

Projek Penentuan Sempadan Bandar (PSB)

Mesyuarat Rundingan Peringkat Negeri Pahang

Mesyuarat Rundingan Peringkat Negeri Pahang telah diadakan pada 17 Ogos 2020 di PLANMalaysia Negeri Pahang. Mesyuarat ini membincangkan Cadangan Sempadan Pertumbuhan Bandar bagi Laporan Teknikal Kajian PSB Fasa 2. Mesyuarat melibatkan 30 wakil Pegawai Perancang Bandar daripada PLANMalaysia dan PBT Negeri serta dihadiri Perunding kajian. Tujuannya adalah untuk mendapatkan persetujuan dan penetapan ke atas cadangan sempadan pertumbuhan bandar di peringkat Laporan Teknikal Fasa 2 yang disediakan oleh pihak perunding.



Mesyuarat Rundingan Peringkat Negeri Terengganu

Mesyuarat Rundingan Peringkat Negeri Terengganu telah diadakan pada 18 Ogos 2020 di PLANMalaysia Negeri Terengganu. Mesyuarat ini membincangkan Cadangan Sempadan Pertumbuhan Bandar bagi Laporan Teknikal Kajian PSB Fasa 2. Mesyuarat melibatkan 20 wakil Pegawai Perancang Bandar daripada PLANMalaysia dan PBT dan PTD Negeri serta dihadiri perunding kajian. Tujuannya adalah untuk mendapatkan persetujuan dan penetapan ke atas cadangan sempadan pertumbuhan bandar di peringkat Laporan Teknikal Fasa 2 yang disediakan oleh pihak perunding.



Mesyuarat Rundingan Peringkat Negeri Kelantan

Mesyuarat Rundingan Peringkat Negeri Kelantan telah diadakan pada 25 Ogos 2020 di PLANMalaysia Negeri Kelantan. Mesyuarat ini membincangkan Cadangan Sempadan Pertumbuhan Bandar bagi Laporan Teknikal Kajian PSB Fasa 2. Mesyuarat melibatkan 25 wakil Pegawai Perancang Bandar daripada PLANMalaysia dan PBT dan PTJ Negeri Kelantan serta dihadiri perunding kajian. Tujuannya adalah untuk mendapatkan persetujuan dan penetapan ke atas cadangan sempadan pertumbuhan bandar di peringkat Laporan Teknikal Fasa 2 yang disediakan oleh pihak perunding.



BAHAGIAN RANCANGAN
FIZIKAL NEGARA

Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Kajian Laporan Teknikal

Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 2

Bahagian Rancangan Fizikal Negara telah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Kajian Laporan Teknikal bagi Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 2 pada 10 Ogos 2020 di Ibu Pejabat PLANMalaysia, Putrajaya. Mesyuarat ini bertujuan menyemak laporan teknikal yang disediakan oleh pihak perunding agar menepati skop dan keperluan yang telah ditetapkan dalam terma rujukan sebelum laporan dibentangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Teras yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan). Mesyuarat meluluskan laporan dengan pindaan dan bersetuju dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Pasukan Teras.



Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Teras Laporan Teknikal

Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 2

Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Teras Bagi Laporan Teknikal telah diadakan pada 19 Ogos 2020 di Ibu Pejabat PLANMalaysia, Putrajaya. Mesyuarat ini bertujuan meluluskan Laporan Teknikal bagi Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan.



BAHAGIAN RANCANGAN
FIZIKAL NEGARA

Majlis Penyerahan Laporan Akhir dan Sesi Taklimat bagi Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 1

Majlis Penyerahan Laporan Akhir dan Sesi Taklimat Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 1 Kepada Warga Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah diadakan pada 27 Ogos 2020 di Dewan Sri Lestari, Program ini melibatkan penyertaan YBhg. Dato' KSU KPLB, Pegawai Kanan KPLB dan Agensi di bawah KPLB. Laporan tersebut telah diserahkan oleh Ketua Pengarah PLANMalaysia kepada Ketua Setiausaha.

Dalam program tersebut juga sesi taklimat Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 1 kepada warga KPLB telah disampaikan oleh Bahagian Rancangan Fizikal Negara, PLANMalaysia.



Sesi **Focus Group Discussion 3 (FGD 3)** bagi Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 2

Bahagian Rancangan Fizikal Negara telah mengadakan sesi *Focus Group Discussion 3* (FGD 3) bagi Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 2. FGD melibatkan pegawai Pejabat Tanah dan Daerah, Penghulu, Penggawa, Ketua Kampung dan Ahli MPKK yang berkenaan. Antara perkara yang dibincangkan adalah berkenaan semakan dan pengesahan sempadan kampung, lokasi kemudahan awam dan kemaskini profil kampung, potensi, isu dan masalah potensi kawasan kampung. Hasil daripada maklumat yang diperolehi daripada FGD ini telah dijadikan *input* utama dalam penyediaan Draf Laporan Akhir. FGD 3 ini melibatkan enam negeri iaitu:

- Negeri Perak pada 10 hingga 12 Mac 2020
- Negeri Johor pada 11 hingga 12 Ogos 2020
- Negeri Selangor pada 11 hingga 13 Ogos 2020
- Negeri Kelantan pada 11 hingga 13 Ogos 2020
- Negeri Pahang pada 12 hingga 14 Ogos 2020
- Wilayah Persekutuan Labuan pada 17 Ogos 2020



BAHAGIAN MAKLUMAT
GUNATANAH NEGARA

Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Program *Localising* Cadangan Rancangan Pemajuan (LCRP) Bersama Pejabat Projek Zon (PPZ) PLANMalaysia

Pada 10 Ogos 2020 Bahagian Maklumat Gunatanah Negara (BMGN) telah mengadakan satu mesyuarat bagi menyelaraskan Pelaksanaan Program *Localising* Cadangan Rancangan Pemajuan (LCRP) bersama Pejabat Projek Zon (PPZ) PLANMalaysia di Kompleks Tun Razak Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang.

Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Program LCRP telah dihadiri oleh wakil daripada agensi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan wakil daripada Pejabat Projek Zon bertujuan menyebarkan pelaksanaan Program LCRP di peringkat Kementerian dan menyelaraskan pelaksanaan Projek Perintis Program LCRP oleh Pejabat Projek Zon iaitu:

PPZU

Penentuan Kawasan Berpotensi Pelaksanaan Program Kebun Bandar/ Kebun Komuniti 2;

PPZS

Penentuan Tapak Taman Perindustrian Gambir, Tangkak 3, Johor;

PPZR

Pengenalpastian Pusat Kitar Semula Komuniti di Daerah Kuala Terengganu; dan

PPZT

Pengenalpastian Food Trails di Pusat Bandar Ipoh, Perak



Kursus dan *Teach In* Penggunaan Manual GIS Versi 2.0

Kursus dan *Teach In* penggunaan manual *Geographic Information System* (GIS) versi 2.0 telah diadakan sebanyak dua (2) kali bagi tempoh bulan Mei hingga Ogos. Maklumat kursus tersebut adalah seperti berikut:

Siri 1/2020

Kursus Siri 1/2020 diadakan pada 13 hingga 15 Julai 2020 di Pejabat Projek Zon Utara. Kursus ini adalah Kursus *Training for Trainers* (TOT) kepada wakil PLANMalaysia Negeri dan Pejabat Projek Zon Utara dan bertujuan untuk memberi pemahaman dan kemahiran kepada pegawai Pejabat Projek Zon Utara dan PLANMalaysia Negeri berdasarkan kepada manual GIS versi 2.0 dengan lebih mudah berpandukan perisian GIS.



Siri 2/2020

Kursus Siri 2/2020 diadakan pada 11 hingga 13 Ogos 2020 di Pejabat Projek Zon Selatan sebagai Kursus *Training for Trainers* (TOT) kepada wakil PLANMalaysia Negeri dan Pejabat Projek Zon Selatan. Pemahaman dan kemahiran kepada pegawai Pejabat Projek Zon Selatan dan PLANMalaysia Negeri berdasarkan kepada manual GIS versi 2.0 dapat ditingkatkan berpandukan perisian GIS.



PEJABAT PROJEK ZON UTARA

Pengemaskinian Gunatanah dalam Konteks Peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Pada 6 Julai 2020, Unit Penyelaras Maklumat Perancangan (UPMP), PPZU telah mengadakan satu Mesyuarat Penyelaras Pengemaskinian Data Gunatanah Semasa Negeri Kedah. Mesyuarat ini membincangkan tugas Pengemaskinian Gunatanah dalam Konteks Peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kehadiran ahli mesyuarat seramai 33 orang dari PLANMalaysia Negeri Kedah dan PBT di Negeri Kedah. Mesyuarat dimulakan dengan taklimat ringkas latar belakang UPMP dan i-PLAN. Mesyuarat turut membincangkan maklum balas berkenaan serahan tugas pengemaskinian Data Guna Tanah Semasa kepada semua PBT Negeri.



Program *Localising* Cadangan Rancangan Pemajuan (LCRP) Tahun 2020

Sesi Perbincangan Awal Bersama Pihak Majlis

Dalam memantapkan Program *Localising* Rancangan Pemajuan (LCRP) Tahun 2020, Pejabat Projek Zon Utara telah mengadakan satu Sesi Perbincangan Awal pada 13 Ogos 2020. Tujuannya adalah untuk memberi penerangan mengenai pelaksanaan program Kebun Bandar/ Kebun Komuniti di Daerah Kulim kepada Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Landskap serta Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim.



Sesi Lawatan Teknikal Sempena Program *Localising* Rancangan Pemajuan

Unit Penyelarasan Maklumat Perancangan (UPMP) telah mengadakan sesi lawatan teknikal pada 17 Ogos 2020 ke Kebun Bandar Taman Serai Setia, Taman Angsana dan Taman Lobak, Daerah Kulim. Lawatan ini bersempena Program *Localising* Rancangan Pemajuan (LCRP) Tahun 2020 dan bertujuan mendapatkan maklum balas dan melihat kejayaan Program Kebun Bandar/ Kebun Komuniti melibatkan penduduk taman berkenaan.



PEJABAT PROJEK ZON TIMUR

Kajian Rancangan Tempatan 2035 (Penggantian)

Kajian Rancangan Tempatan Jajahan Kuala Krai, Kelantan

Bagi Kajian Rancangan Tempatan Jajahan Kuala Krai 2035 (Penggantian), Pejabat Projek Zon Timur telah mengadakan dua mesyuarat:

- Mesyuarat Penyelarasan Program Publisiti dan Penyertaan Awam pada 30 Ogos 2020 bertempat di Majlis Daerah Kuala Krai,
- Mesyuarat Penyelarasan dan Rundingan antara Daerah RT Bersempadan dengan Negeri Berjiran dan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Program Publisiti dan Penyertaan Awam pada 5 Ogos 2020, di Kompleks Kota Darulnaim, Kota Bharu, Kelantan.



Kajian Rancangan Tempatan Daerah Besut, Terengganu

Kajian Rancangan Tempatan Daerah Besut, Terengganu telah melibatkan satu taklimat dan dua kali perbincangan kumpulan:

- Taklimat dan Lawatan Tapak Cadangan Pembangunan Pangkalan Gong Kedak telah diadakan pada 11 Ogos 2020 bertempat di Sekitar kawasan Pangkalan Udara Gong Kedak.
- Perbincangan Kumpulan Terfokus (Peringkat Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan) telah diadakan pada 18-19 Ogos 2020 bertempat di Dewan Majlis Daerah Besut, Kampung Gong Kemuntong, Jerleh, Besut, Terengganu.
- Perbincangan Kumpulan Terfokus Bersama Komuniti Pulau Perhentian telah diadakan pada 3 Julai 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat, Sekolah Kebangsaan Pulau Perhentian.

Kajian Rancangan Tempatan Daerah Setiu, Terengganu

Bagi Kajian Rancangan Tempatan Daerah Setiu, Terengganu 2035 (Penggantian) PPZR telah mengadakan Publisiti Awal bersama MPKK dan Ahli-ahli Majlis, Majlis Daerah Setiu pada 9 hingga 11 Jun 2020 di Dewan Majlis Daerah Setiu, Sungai Tarom, Bandar Permaisuri, Setiu, Terengganu.



Kajian Rancangan Tempatan Daerah Raub, Pahang




- Program Publisiti Awal Dan *Focus Group Discussion* Siri 1/2020 telah diadakan pada 16-17 Jun 2020 secara sidang video *skype for business*.
- Majlis Perasmian Program Publisiti Dan Penyertaan Awam bagi Kajian Rancangan Kawasan Khas Tanjung Gemok, Rompin Pahang pada 16 Julai 2020 di Majlis Daerah Rompin.

Kajian Rancangan Tempatan Jajahan Pasir Puteh, Kelantan

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal (Laporan Pendekatan Kajian) telah pun dijalankan pada 12 Julai 2020 bertempat di Bilik Gerakan MABNA-BRI Kompleks Kota Darul Naim.





BULETIN

PLANMalaysia

SEPTEMBER - DISEMBER 2020

BAHAGIAN KORPORAT

Wacana Ilmiah dan Pelancaran Hari Kemerdekaan Peringkat PLANMalaysia

3 September 2020 (Khamis), Putrajaya : PLANMalaysia melalui Bahagian Korporat telah mengadakan satu program wacana ilmiah dengan tajuk 'Meneladani Sirah Ke Arah Mewujudkan Perancangan Bandar Yang Sejahtera dan Merdeka' yang telah disampaikan oleh YH. Dato' Ustaz Haji Badli Shah bin Haji Alauddin.

Program tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam majlis ini, beliau turut membuat pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat PLANMalaysia Tahun 2020.

Dalam ucapan perasmian, beliau menyeru agar PLANMalaysia sebagai agensi kerajaan yang berperanan dalam merangka dan merancang ke arah pembangunan sejahtera untuk melihat secara holistik dan mengambil kira keperluan gaya hidup baru rakyat Malaysia bagi memastikan pembangunan sejahtera dan status pembangunan mampan dapat dicapai menjelang tahun 2030.



BAHAGIAN KORPORAT

Ketua Pengarah PLANMalaysia yang Baharu



Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada YBrs. TPr Gs Dr. Shamsaini binti Shamsuddin atas pelantikan beliau sebagai Ketua Pengarah PLANMalaysia yang baharu berkuatkuasa pada 9 November 2020 bagi menggantikan YBhg. Dato' TPr Mohd Anuar bin Maidin yang telah bersara wajib pada 12 Oktober 2020.

Sebagai Ketua Pengarah baharu yang menerajui PLANMalaysia, beliau menyeru kepada seluruh warga PLANMalaysia untuk menjadi lebih aktif, kreatif dan inovatif dengan memanfaatkan teknologi dalam menjalani kebiasaan baharu (new normal). Aspirasi ini hendaklah disahut oleh semua warga PLANMalaysia bagi memastikan semua urusan kerja dapat dilaksanakan dengan cepat, sempurna dan berkualiti seiring dengan ekspektasi KPKT.

Beliau turut menzahirkan bahawa untuk merealisasikan semua perkara yang telah dirancang oleh Jabatan, beliau memerlukan sokongan daripada semua Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri serta semua lapisan pegawai.

SMART CITY RAP 2020

Smart City RAP 2020 merupakan *platform* perkongsian idea, kepakaran dan pengalaman dengan pihak berkepentingan khususnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi terlibat dalam pembangunan bandar pintar di Malaysia. Program ini memfokuskan kepada perkongsian tentang perancangan bandar pintar serta kemajuan teknologi daripada pelbagai rakan strategik.

Program *Smart City RAP 2020* telah diadakan pada 18 dan 19 November 2020 dengan ucapan pembukaan daripada Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) secara Virtual melibatkan kerjasama di antara KPKT, MiGHT, Perbadanan Putrajaya dan Cyberview Sdn Bhd serta turut melibatkan 11 kolaborator.

Program yang diadakan secara *virtual* ini telah mendapat penyertaan seramai 17,400 penonton yang terdiri daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi yang terlibat dalam pembangunan bandar pintar, Ahli Akademik dan pelajar universiti, sektor kerajaan serta swasta. Program ini telah berlangsung selama dua hari melalui *facebook live* PLANMalaysia dan juga *google meet*.



Sambutan

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS)

HPBS adalah satu sambutan yang sangat istimewa yang diadakan untuk menghargai sumbangan perancang bandar atau *'town planner'* yang bertugas di agensi kerajaan, swasta, Pihak Berkuasa Tempatan dan NGO. Perancang Bandar ini adalah adalah satu profesion yang bertanggungjawab merancang guna tanah perbandaran dan desa secara teratur, untuk memberi kehidupan yang selesa kepada penduduk.

Sambutan HPBS tahun 2020 yang berlangsung pada 10 November 2020 dirasmikan oleh YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diadakan sepenuhnya secara dalam talian melalui *Facebook Live* PLANMalaysia dan *google meet* dengan tontonan melebihi 14,000.

Mengambil kira situasi pandemik Covid-19, PLANMalaysia mengambil pendekatan memilih tema sambutan iaitu *Planning Beyond Conventional* yang merupakan *tagline* Jabatan. *Tagline* ini telah diguna pakai sejak penjenamaan semula nama PLANMalaysia pada tahun 2017 yang mana Jabatan memberi fokus utama kepada perancangan yang melangkaui kelaziman ke arah pembangunan bandar dan desa dengan mengambil kira keperluan-keperluan masa hadapan termasuklah membendung penularan sebarang penyakit berjangkit.

Aktiviti HPBS Tahun 2020

Pertandingan Penyediaan Video Kreatif berbentuk ucapan khas sambutan HPBS 2020

Sambutan di peringkat Negeri Semenanjung Malaysia

Penyampaian penghargaan Bandar Mampan bagi tahun 2020 (MURNINets)

Pengiktirafan kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) yang telah melaksanakan dan menepati kriteria kemampunan bandar di kawasan pentadbiran masing-masing.

Penyampaian Anugerah Kejiranan Hijau 2020 (AKH2020)



Ucapan Perasmian oleh
YB Puan Hajah Zuraidda binti Kamaruddin,
Menteri KPKT

Ucapan oleh
YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan,
KSU KPKT

Ucapan Aluan oleh
YBrs. TPr Gs Dr. Shamsaini binti Samsuddin,
KP PLANMalaysia



Gimik Perasmian oleh
YB Puan Hajah Zuraidda binti Kamaruddin,
Menteri KPKT

Barisan Dif-dif Kehormat semasa pelancaran majlis perasmian , dari kiri YBTM, YBM, KSU, KP PM, TKP PM



Menandatangani buku lawatan PLANMalaysia
1. YB Puan Hajah Zuraidda binti Kamaruddin

2. Timbalan Menteri KPKT
YB Dato Sri Dr. Ismail bin Haji Abd. Muttalib

3. YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu

Sambutan **Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS)** Tahun 2020

Majlis Perasmian yang telah berlangsung secara hibrid.



Encik Asshari bin Mohd Juhaidi dan Puan Luk Luk Al Bariyah binti Baharum bergandingan bersama mengacara majlis sambutan HPBS 2020.



Majlis dihiburkan dengan persembahan nyanyian oleh Encik Rosaidi bin Omang.



Pengumuman pemenang AKH2021 di siaran fb PLANMalaysia.



Pengumuman pemenang Penghargaan Bandar Mampuan di siaran fb PLANMalaysia.



Pengumuman pemenang pertandingan video ucapan kreatif.



Publisiti dan hebahan melalui slot Selamat Pagi Malaysia pada 4 November 2020 di TV1 RTM.



Publisiti dan hebahan di led screen DBKL.



Publisiti dan hebahan melalui slot Selamat Pagi Malaysia pada 9 November 2020 di TV1 RTM.



Publisiti dan hebahan di FB PLANMalaysia.

BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN KAWAL SELIA PERANCANGAN

Program

Sebaran Dasar dan Maklumat Perundangan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]

PLANMalaysia melalui Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan (BPKSP) telah mengadakan beberapa program untuk menyebarkan luas dasar dan maklumat berkaitan perundangan perancangan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. Antara lain tujuan sebaran ini adalah untuk memastikan pelaksanaan dasar dan perundangan perancangan, program dan inisiatif PLANMalaysia dilaksanakan dan mencapai keberhasilan ke arah memperkasakan bidang perancangan bandar dan desa dan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran. Program ini secara tidak langsung dapat memperkukuhkan hubungan dan kerjasama erat antara PLANMalaysia (peringkat Persekutuan), Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Executive Talk :

Perundangan Perancangan (Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]) Bersama Ahli-Ahli Majlis PBT Peringkat Negeri Pahang.

10 Ogos 2020
Kuantan, Pahang



Taklimat

Cadangan Pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]

22 September 2020
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Lawful Planmaking

: Memperkukuhkan
Penyediaan Rancangan
Pemajuan - Melalui Kaedah-
Kaedah Rancangan Struktur
dan Kaedah-Kaedah
Rancangan Tempatan.

25 Ogos 2020 (Selasa)
PLANMalaysia



Program Outreach

Bahagian Perundangan dan
Kawal Selia Perancangan
(BPKSP) PLANMalaysia
bersama Pihak Berkuasa
Tempatan (PBT)

18 September 2020
MD Jelebu/ MD Jempol/ MD
Kuala Pilah



TAKLIMAT & TEACH IN MYLCP SCORE CARD

2 September 2020
KSL Resort, Johor Bahru
Anjuran PLANMalaysia Johor

29 hingga 30 September 2020
Kelab Golf Sultan Ahmad Shah,
Cameron Highland
Anjuran PLANMalaysia Pahang

8 Disember 2020
Secara Dalam Talian :
PLANMalaysia Ibu Pejabat /
PLANMalaysia Melaka



Mesyuarat Pengarah Negeri (MPN) PLANMalaysia Bil. 2/2020

Mesyuarat ini telah berlangsung pada 17 September 2020, di Ibu pejabat PLANMalaysia. Mesyuarat Pengarah Negeri PLANMalaysia merupakan satu *platform* yang khusus bagi membincangkan isu dan cabaran semasa perancangan bandar dan desa, mengenal pasti langkah-langkah untuk menambahbaik pelaksanaan Akta 172, dasar, kaedah, garis panduan dan lain-lain di peringkat Persekutuan dan Negeri serta menjadi penghubung kepada pelaksanaan pengoperasian di peringkat Persekutuan dan Negeri.



Mesyuarat Ketua Unit Pusat Setempat (OSC)

Mesyuarat Ketua Unit Pusat Setempat (OSC) di Pihak Berkuasa Tempatan telah berlangsung bersekali dengan sesi Townhall KSU KPKT Bersama Pegawai Unit Pusat Setempat (OSC) dan Program Sebaran Perundangan dan Maklumat Perancangan Tahun 2020 pada 1 Oktober 2020, bertempat di Dewan Kristal dan secara atas talian. Ia bertujuan untuk:

1. Menyampaikan dasar, garis panduan dan perkembangan terbaharu kerajaan, serta perkembangan terbaharu PLANMalaysia kepada pegawai-pegawai OSC.
2. Memastikan pegawai-pegawai OSC dapat meningkatkan ketelusan sistem penyampaian perkhidmatan di PBT selain bertindak sebagai pihak berkecuali dalam melaksanakan tugas-tugas OSC dan proses membuat keputusan melalui jawatankuasa OSC di PBT.
3. Memperkukuhkan hubungan dan kerjasama antara PLANMalaysia dan KPKT melalui peranan yang dimainkan oleh pegawai OSC yang ditempatkan di PBT bagi melancarkan proses pembangunan di peringkat PBT.



Menyelaras Kajian dan Penyelidikan Di Bawah Akta 172

Kajian Pengenalpastian Kawasan-kawasan Pemajuan seperti mana Seksyen 38, Akta 172 telah berlangsung pada 6 Ogos hingga 30 Oktober 2020. Matlamat kajian ini adalah untuk membentuk panduan dan mekanisme dalam menentukan dan melaksanakan kawasan pemajuan di bawah seksyen 38, Akta 172 oleh PBPT.



Kajian Pemeliharaan Pokok di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan mengikut Peruntukan Bahagian VA, Akta 172 telah diadakan pada 5 Ogos hingga 23 Oktober 2020. Kajian ini bertujuan menyediakan satu panduan yang seragam mengenai pelaksanaan proses dan prosedur pengurusan Perintah Pemeliharaan Pokok sepertimana yang terkandung di Bahagian VA, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) ke arah meningkat kelestarian alam sekitar melalui pertumbuhan hijau.



Kajian Penyelarasan Akta Perancangan Bandar dan Desa yang diterima pakai di Semenanjung Malaysia (pada 11 Ogos hingga 2 November 2020)

Mencadangkan pengubahsuaian, penyelarasan dan kaedah kuatkuasa pemakaian peruntukan undang-undang perancangan bandar dan desa ke arah mewujudkan sistem perancangan bandar dan desa yang seragam di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan).



PEJABAT PROJEK ZON TENGAH

MALAYSIA URBAN FORUM 2020

Virtual Networking Event 12 : Towards National Urban Big Data Analytics For Effective Urban Management



PLANMalaysia melalui Unit Khas Bandar Pintar, Pejabat Projek Zon Tengah telah menyertai sesi forum secara atas talian yang dianjurkan oleh Urbanice Malaysia pada 29 September 2020. Hadir sama ialah Ketua Pengarah PLANMalaysia, TPr Gs Dr. Shamsaini binti Shamsuddin yang merupakan salah seorang ahli panel bagi forum tersebut. Forum tersebut dibarisi oleh 3 panelis profesional yang lain iaitu Encik Mohd Musabri bin Shaharom, Pengarah di Putrajaya Corporation (PPJ), Encik Zambry bin Ibrahim dari TM One dan Encik Dalbir Singh dari Cisco System (Malaysia).

Sesi forum ini diadakan untuk membincangkan kepentingan integrasi *Infrastructure* data antara pihak persekutuan, negeri dan pihak tempatan. Dengan penyelarasan data-data ini dapat meningkatkan keupayaan implementasi pembangunan bandar pintar di Malaysia dengan lebih efisien dan efektif.

Forum ini juga bertujuan menyebarkan luas berkenaan perancangan dan pembangunan Bandar Pintar di peringkat antarabangsa serta mewujudkan jalinan hubungan antara agensi, berkongsi pendapat dan pengalaman di dalam melaksanakan inisiatif Bandar Pintar dan mempelajari inisiatif dan teknologi terkini berkaitan Bandar Pintar. Forum ini turut dihadiri oleh warga kerja PLANMalaysia yang terdiri dari pelbagai lapisan pegawai.

Sesi Sebaran Inisiatif Penyelidikan dan Pembangunan PLANMalaysia Tahun 2020 Bagi Zon Selatan

7 - 8 September 2021, Hotel Granada Johor Bharu : Sesi sebaran ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' TPr Dr. Zainah binti Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) yang melibatkan PLANMalaysia Ibu Pejabat, PLANMalaysia Negeri Johor, PLANMalaysia Negeri Sembilan, PLANMalaysia Negeri Melaka, Pejabat Projek Zon Selatan dan Pihak Berkuasa Tempatan Zon Selatan.

Terdapat lapan (8) kertas kerja yang telah dibentang di dalam sebaran ini seperti yang berikut:

- 1 *Post Covid-19 Recovery:*
Perancangan Bandar Pasca Covid-19
- 2 GPP Warga Emas
- 3 Konsep dan Kriteria Bandar Mesra Belia
- 4 GPP Tahap Daya Tahan Bencana Bandar-Bandar Malaysia
- 5 Penilaian Impak Sosial
- 6 GP Penubuhan Skim Perumahan Berpengawal
- 7 GP Penubuhan Skim Perumahan Komuniti Berpagar
- 8 GPP *Healthy Walkable City*



BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Majlis Penyerahan Trofi dan Sijil bagi Anugerah Asean SDGs Frontrunner Cities : Penghargaan Bandar Mampan 2020



YBhg. Dato' TPr Dr. Zainah binti Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan, PLANMalaysia telah menyampaikan Sijil Penghargaan dan Trofi kepada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam, Selangor, sempena 'The Closing Workshop ASEAN SDGs Frontrunner Cities Programme' yang telah berlangsung pada 1 hingga 2 Disember 2020.



Indeks Kebahagiaan Ke Arah Kemampunan Bandar

3 KATEGORI PBT


- Bandaraya
- Perbandaran
- Daerah

KLASIFIKASI

- Bahagia (80% dan ke atas)
- Sederhana Bahagia (50%-79%)
- Kurang Bahagia (49% dan ke bawah)

2020

- 72.5% PBT - Bahagia
- 27.5% PBT - Sederhana Bahagia



Indeks Kebahagiaan/ Kemampunan Bandar

Pengukuran Indeks Kebahagiaan di Malaysia telah dijalankan sejak tahun 2013 selaras dengan Resolusi Bhutan yang telah diluluskan oleh Perhimpunan Agung PBB pada Jun 2011.

Pengukuran dilaksanakan melalui Program Jaringan Penunjuk Mampuan Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets) yang merupakan instrumen yang digunakan bagi mengukur kemampunan kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia di bawah seliaan PLANMalaysia.

Aspek kebahagiaan ini sememangnya selaras dengan Doktrin Perancangan Sejangat yang diperkenalkan oleh PLANMalaysia pada tahun 1993, yang semenjak itu telah menjadi asas dan falsafah dalam pembangunan dan perancangan negara.

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Penghargaan Bandar Mampan Tahun 2020

Penghargaan Bandar Mampan tahun 2020 merupakan penghargaan dan pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap usaha pembangunan bandar mampan. Pengumuman pemenang dibuat semasa Sambutan HPBS 2020 Peringkat Kebangsaan pada 10 November 2020. Jumlah penyertaan adalah sebanyak 126 PBT dan senarai penerima penghargaan adalah seperti di bawah:

Senarai Penerima Penghargaan Bandar Mampan 2020



Penghargaan Khas Bandar Mampan 2020

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)



**PENYERTAAN
TAHUN
2020**

126 PBT

- 98 di Semenanjung Malaysia
- 3 di Wilayah Persekutuan
- 25 di Negeri Sabah

102 Dinilai

- 73.5% Mampan
- 26.5% Sederhana Mampan



BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Anugerah Kejiranan Hijau (AKH) Tahun 2020

Anugerah Kejiranan Hijau merupakan penghargaan kepada usaha individu, komuniti dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menyokong pembangunan dan pertumbuhan hijau ke arah pembangunan mampan. Pengumuman pemenang dibuat semasa Sambutan HPBS 2020 Peringkat Kebangsaan pada 10 November 2020. Jumlah penyertaan adalah sebanyak 224 penyertaan daripada individu, komuniti dan PBT.

Anugerah Khas

Anugerah IKON AKH2020 'Green Lifestyle'

En. Mohd. Hazwan bin Mohd. Jalani
Kampung Sementa, Kapar, Klang,
Selangor



**Komuniti Rukun Tetangga Al-Husna
Seksyen 20, Shah Alam, Selangor**

Anugerah Khas

Anugerah Khas YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**Komuniti Rukun Tetangga Al-Husna,
Seksyen 20, Shah Alam, Selangor**



Kategori Pihak Berkuasa Tempatan

- 1 Perbadanan Putrajaya (Presint 8)
- 2 Majlis Perbandaran Sepang (Bandar Baru Salak Tinggi)
- 3 Majlis Daerah Kampar (Bandar Baru Kampar)

Kategori Kampung Dalam Bandar

- 1 Komuniti Surau Kampung Tersusun Batu Puti, Kampar, Perak
- 2 Encik Wong Chee Meng, Desa Lawan Kuda, Gopeng, Perak
- 3 Happy Farm Taman Flora Heights, Pasir Gudang, Johor



Kategori Perumahan Bertanah

- 1 Komuniti Rukun Tetangga Al-Husna, Seksyen 20, Shah Alam, Selangor
- 2 Persatuan Penduduk Rumah Teres Seksyen 24, Shah Alam, Selangor
- 3 Tn. Syed Azwan bin Syed Omar, Taman Indah Jaya, Ipoh, Perak



Kategori Kampung Luar Bandar

- 1 Encik Mohd Hazwan bin Mohd Jalani, Kampung Sementa, Kapar, Klang, Selangor
- 2 Pondok Seri Permai, Pasir Puteh, Kelantan
- 3 Tn. Haji Norulalzahar bin Hj. Ali Kampung Limbong, dungun, Terengganu

Kategori Perumahan Bertingkat

- 1 Rukun Tetangga Perumahan Awam Perlis 2, Kuala Lumpur
- 2 Komuniti Pangsapuri Kenari, Kangkar Pulai, Johor
- 3 Puan Neau Siow Yee, Taman Melawati Ampang, Selangor



Pemenang undian awam terbanyak likes FB

Komuniti Pangsapuri Kenari, Kangkar Pulai, Johor

Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) PLANMalaysia Bil.2/2020

10 September 2020 (Khamis) – PLANMalaysia melalui Unit Integriti telah mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) PLANMalaysia Bil.2/2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Royal Belum, PLANMalaysia@Perak.

Mesyuarat ini melibatkan semua Pengarah/ Ketua Unit/ Ketua Seksyen di PLANMalaysia dan juga semua Pengarah PLANMalaysia@Negeri. Mesyuarat JAR merupakan satu agenda wajib Jabatan selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri. No. 1 Tahun 2018 dan pembentangan oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 19 Januari 2019 yang telah menetapkan keperluan pelaksanaan Jawatankuasa Antirasuah oleh semua Ketua Jabatan Persekutuan.



Sambutan Hari Integriti

Peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tahun 2020



Sambutan Hari Integriti Peringkat KPKT telah diadakan pada 5 November 2020. Bagi merencanakan penglibatan semua warga dan agensi di bawah KPKT lebih dekat dengan Integriti satu pertandingan video kreatif telah diadakan dan telah dihos oleh Unit Integriti PLANMalaysia.

Unit ini telah mengadakan sesi penjurian pertandingan video kreatif tersebut pada 26 Oktober 2020 secara atas talian. Sebanyak 9 penyertaan telah diterima oleh urus setia yang melibatkan jabatan-jabatan di bawah pentadbiran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Keputusan dan hadiah pemenang diumumkan pada Hari Integriti Peringkat KPKT.

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Majlis 'Sekalung Apresiasi Seindah Memori, Sejambak Kasih Semurni Budi'



Bahagian Khidmat Pengurusan (Seksyen Sumber Manusia) telah menjayakan Majlis Persaraan PLANMalaysia Tahun 2020 pada 2 Oktober 2020 bertempat di Bangi Avenue Convention Centre (BACC), bertemakan 'sekalung apresiasi seindah memori, sejambak kasih semurni budi' bagi menghargai segala sumbangan jasa dan bakti mantan pegawai dan kakitangan PLANMalaysia.

Majlis ini merupakan acara tahunan yang diadakan untuk meraikan pesara-pesara dan bakal pesara Jabatan. PLANMalaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pesara yang telah bersama-sama menyemai bakti sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai penjawat awam khususnya di PLANMalaysia. SELAMAT BERSARA, JASAMU DIKENANG!

Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bagi Tahun 2020

Pelaksanaan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) bagi Tahun 2020 adalah sebagai mana peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. Pada tahun 2020, pelaksanaan bermula pada pertengahan tahun dan berakhir pada suku tahun ketiga iaitu pada bulan Oktober 2020.

Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara Ke-35 (Bil. 2/2020)

13 Ogos 2020

Bilik Mesyuarat Utama Aras 3, Blok Ahli Parlimen dan Pentadbiran Parlimen Malaysia.

Membincangkan tiga (3) kertas kerja iaitu :

Satu kertas Draf Rancangan Stuktur Negeri Terengganu 2050 untuk persetujuan (iaitu arahan dan nasihat di bawah perenggan 10(4)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]; dan

Dua (2) kertas permohonan pembangunan untuk mendapat nasihat MPFN daripada Kerajaan Negeri Sembilan dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA).



Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara Ke-36 (Bil. 3/2020)



27 Oktober 2020

Bilik Mesyuarat Perdana Digital Aras 2, Pejabat Perdana Menteri Blok Utama, Bangunan Perdana Putra Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.

Membincangkan lima (5) kertas kerja iaitu :

Satu kertas persetujuan berkaitan infrastruktur digital negara;

Tiga (3) kertas permohonan pembangunan untuk mendapat nasihat dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Negeri Kedah; dan

Satu kertas pemakluman berkaitan kawasan sumber makanan negara.

BAHAGIAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

Kajian Projek Penentuan Sempadan Bandar (PSB)

Cadangan Sempadan Pertumbuhan Bandar Bagi Laporan Teknikal Kajian PSB Fasa 2.

Mesyuarat Rundingan Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan

10 September 2020

Bilik Mesyuarat Bilik Sentosa Menara
Perbadanan Labuan.

Bertujuan untuk mendapatkan persetujuan dan penetapan ke atas cadangan sempadan pertumbuhan bandar di Wilayah Persekutuan Labuan peringkat Laporan Teknikal Fasa 2 yang disediakan oleh pihak perunding.



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal

13 Oktober 2020

Bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan ulasan serta mempertimbangkan Laporan Teknikal untuk kelulusan dan memperakukan pembayaran 25% daripada kos perkhidmatan perunding.



Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4)

Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) Draf Pertama RFN4

3-4 Ogos 2020
Straits Ballroom West, Holiday Inn Melaka.

Mendapatkan pandangan dan input berkaitan Kajian Rancangan Fizikal Negara Keempat daripada agensi berkepentingan.

Hasil daripada maklumat yang diperolehi akan dijadikan input utama dalam penyediaan Draf Kedua Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4).



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peringkat Draf Pertama RFN4

Mendapatkan kelulusan Draf Pertama RFN4 sebelum diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk RFN4. Hasil mesyuarat telah meluluskan Draf Pertama RFN4 dengan pindaan dan penambahbaikan seperti yang dibincangkan.



21 Ogos 2020 Bil. 2/2020 (Siri 1)
Bilik Persidangan Tanjung, Aras 13, PLANMalaysia,
Putrajaya



2 September 2020 Bil. 2/2020 (Siri 2)
Dewan Kristal, KPKT, Putrajaya



17 September 2020 Bil. 2/2020 (Siri 3)
Dewan Damar Sari, Blok F8, Parcel F, Putrajaya



5 Oktober 2020 Bil. 2/2020 (Siri 4)
Ballroom 3, Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi

BAHAGIAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4)

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Peringkat Draf Kedua Kajian RFN4

19 Oktober 2020

Hotel Marriot Putrajaya, secara sidang video.

Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan kelulusan bagi Draf Kedua RFN4. Perkara yang dibentangkan dan dibincangkan adalah Pengenalan RFN4, Matlamat dan Hala Tuju Pembangunan Negara, Strategi dan Tindakan Draf Pertama RFN4, Pengurusan dan Pelaksanaan RFN dan Pelan Pengurusan Spatial Negara dan Pelan Spatial Negeri. Mesyuarat telah meluluskan dengan pindaan Laporan Draf Kedua RFN 4 mengikut ulasan-ulasan yang telah dikemukakan oleh agensi yang berkaitan.



Kajian RFN4 : Sesi Permurnian Laporan Akhir



10-12 Disember 2020

Bangi Resort Hotel, Bandar Baru Bangi.

Bertujuan untuk memantapkan lagi Laporan Akhir Rancangan Fizikal Negara Keempat. Sesi Permurniaan ini lebih memberi fokus kepada Teras 2: Kemampunan Spatial dan Daya Tahan Perubahan Iklim, Pelan Pengurusan Spatial Negeri dan Semakan Pematuhan Ulasan daripada Kementerian dan Agensi berkepentingan. Hasil cadangan yang dikemukakan akan menjadi *input* kepada kandungan Laporan Akhir Rancangan Fizikal Negara Keempat.

Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 1

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi Laporan Teknikal

1 September 2020

Orchid Hall, Bangi Avenue Convention Centre.

Mesyuarat memutuskan untuk meluluskan dengan pindaan Laporan awal bagi Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 2.



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi Draf Laporan Akhir

6 Oktober 2020

Bangi Avenue Convention Center, No. 21 & 22,
Pusat Perniagaan Bangi Avenue.

Mesyuarat diadakan untuk meluluskan Draf Laporan Akhir ke peringkat Jawatankuasa Pemandu bagi Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan yang dihasilkan perunding.



BAHAGIAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan Fasa 2

Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Kajian Bagi Draf Laporan Akhir



9 September 2020

Bilik Mesyuarat Kesidang, Aras 8, PLANMalaysia, Blok F5, Kompleks F, Presint 1, Putrajaya.

Mesyuarat menyemak draf laporan akhir yang disediakan oleh pihak perunding agar menepati skop dan keperluan yang telah ditetapkan dalam terma rujukan sebelum laporan dibentangkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Teras yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Rancangan Fizikal Negara.

Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Teras Bagi Draf laporan Akhir

23 September 2020

Bilik Orkid 6, Bangi Avenue Convention Center (BACC), Bangi Selangor Darul Ehsan.

Mesyuarat meluluskan Draf laporan akhir bagi Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan.



Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu bagi Laporan Akhir



20 Oktober 2020

Bilik Mesyuarat Tanjung, Aras 13, Ibu Pejabat PLANMalaysia.

Mesyuarat diadakan untuk meluluskan Laporan Akhir bagi Projek Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan yang dihasilkan perunding.

Program Sebaran dan Pemantauan Rancangan Pemajuan Nasional (RPN)

2-3 September 2020
Orchid Hall, Bangi Avenue Convention Centre.

Bertujuan memberi pemahaman terhadap RPN yang terdiri daripada Rancangan Fizikal Negara ke-3 (RFN3) Dasar Perbandaran Bandar Kedua (DPN2) dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPF Desa dalam konteks perancangan guna tanah negara.)

Program ini juga untuk memudahkan agensi pelaksana dan agensi pemantau di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan dalam melaksanakan dasar dan strategi sepertimana yang digariskan dalam dokumen RPN.



PEJABAT PROJEK ZON SELATAN

Publisiti dan Penyertaan Awam Draft Rancangan Tempatan Daerah Kluang 2030 (Penggantian)

Program Perasmian



15 November 2020 bertempat di Majlis Perbandaran Kluang

Taklimat Draft Rancangan Tempatan Daerah Kluang 2030 (Penggantian)



23 November 2020 bertempat di
PLANMalaysia@Johor



7 Disember 2020 bertempat di Majlis Perbandaran Kluang

Pelaksanaan Program Publisiti dan Penyertaan Awam adalah bagi memenuhi peruntukan Seksyen 13, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. Program ini juga bertujuan menggalakkan masyarakat untuk bersama-sama terlibat dalam perancangan pembangunan masa depan kawasan mereka serta memberitahu pemilik tanah dan penduduk tempatan mengenai cadangan jenis pembangunan di lot masing-masing.



21 Disember 2020
bertempat di Majlis Perbandaran Kluang

Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam

Rancangan Kawasan Khas Tanjung Bidara Pengkalan Balak

1 Disember 2020

Bertempat di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Tanjung Kemuning
Pengkalan Balak.



LAGU PLANMalaysia

**Demi Masa Kita Teroka
Menuju Alam Utopia
Merancang Arah Sejahtera
Bersama-sama PLANMalaysia**

**Insan dan Tuhan Selamanya
Sesama Insan Berpisah Tiada
Alam Sekitar Dipelihara
Doktrin Perancangan Sejagat...Tuk' Semua...**

***Let Us Make This Dream of Us Come True
Him and Her and Them and Me and You
Together We Will Make Her Shine So Brighter
Beyond Conventional PLANMalaysia***





PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel: 03-8091 0000
<https://www.planmalaysia.gov.my>



PLANMalaysia



PLANMalaysia_



plan_malaysia



PLANMalaysia